

TARIKH	ISNIN, 9 DISEMBER 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	HANYA 1,400 PENJAWAT AWAM TAK PILIH SSPA
M/S	3
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

BH Isnin, 9 Disember 2024 Nasional

# Hanya 1,400 penjawat awam tak pilih SSPA

**Batu Kawan:** Hanya kira-kira 1,400 penjawat awam sahaja yang tidak menandatangani Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) selepas tempoh opsyen diberi selama 40 hari berakhir pada 30 November lalu.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata jumlah itu dilihat kecil daripada keseluruhan 1.5 juta penjawat awam ketika ini.

Beliau berkata, penjawat awam yang tidak memilih opsyen itu adalah perkara biasa yang mereka mungkin sudah membuat segala pertimbangan yang sewajarnya.

“Dalam hal ini (penjawat awam yang tidak memilih SSPA) kita tidak ada paksaan kerana perca-

ya ada pertimbangan khusus yang dibuat mereka, tetapi kerajaan sentiasa membuat sesi libat urus bagi mereka yang tidak memilih (opsyen) ini supaya tidak menyesal di kemudian hari.

“Selepas tempoh berakhir pada 30 November lalu, didapati yang tidak menandatangani SSPA ini hanya 0.13 peratus, iaitu sekitar 1,400 daripada 1.5 juta penjawat awam yang mereka ini terdiri dalam kumpulan pengurusan, pelaksana dan ada juga profesional,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Penutup Kampung Angkat



Wan Ahmad Dahlan

MADANI Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Pulau Aman, di sini semalam.

Wan Ahmad Dahlan berkata, beliau juga sudah melaporkan perkara itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam mesyuarat jawatan-kuasa Kabinet baru-baru ini.

“Perdana Menteri gembira dengan pencapaian ini serta pihak kami mengucapkan tahniah dan syabas kepada pasukan yang telah melaksanakan program SSPA ini dengan baik,” katanya.

Sementara itu, Wan Ahmad Dahlan berkata, pihaknya juga ti-

dak melanjutkan atau membuka semula tawaran itu sekiranya ada penjawat awam yang tidak menandatangani opsyen berkenaan secara tiba-tiba terbuka hati mau memilih skim terbabit.

“Sebenarnya hal ini sangat jelas yang kita sudah memaklumkan bahawa tarikh akhir untuk memilih SSPA adalah pada 30 November lalu. Jadi apabila melepasi tarikh ini, maka tidak akan ada lagi ruang untuk mereka yang tidak memilih SSPA,” katanya.

Sebelum ini dilaporkan pegawai awam mempunyai tempoh opsyen selama 40 hari bermula 21 Oktober hingga 30 November untuk memilih sama ada SSPA atau kekal dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM).

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--